

Pelan 5 Tahun

PERSATUAN RAKAN SOLUSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (PRS-MPL) (2026-2030)

PPM-002-10-27022025





1.0 PENGENALAN

Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) ditubuhkan pada 27 Februari 2025 dengan nombor pendaftaran PPM-002-10-27022025. Pertubuhan ini berperanan sebagai sebuah badan kebangsaan yang menyatukan pelbagai rakan organisasi di seluruh Malaysia yang terlibat dalam pembangunan komuniti dan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). PRS-MPL memainkan peranan penting dalam ekosistem pembangunan sosial negara dengan menghimpunkan kepakaran daripada pelbagai sektor seperti NGO, koperasi, akademik, belia, organisasi komuniti dan sektor swasta. Melalui jaringan kerjasama ini, PRS-MPL bertujuan memperkukuh usaha pembangunan komuniti secara inklusif, mampan dan berimpak tinggi di seluruh Malaysia.

Dalam landskap sosial-ekonomi Malaysia hari ini, kewujudan PRS-MPL menjadi semakin penting. Pembangunan komuniti tidak lagi boleh bergantung kepada pendekatan kerajaan semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan gabungan entiti masyarakat sivil dan komuniti akar umbi yang mampu bekerja secara kolaboratif. Dengan itu, PRS-MPL menjadi sebuah platform penyelarasan nasional yang memacu pembangunan kapasiti, penyelesaian inovatif, rangkaian kerjasama serta advokasi berasaskan bukti.

Pelan Lima Tahun ini dirangka sebagai sebuah dokumen strategik yang memberikan hala tuju yang jelas, menyeluruh dan berfokus kepada persatuan sehingga tahun 2030. Dokumen ini merangkumi perincian visi, misi, matlamat, nilai teras dan objektif strategik PRS-MPL, diikuti dengan pelan tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Ia turut menyediakan satu rangka kerja pemantauan dan penilaian yang kukuh, bagi memastikan setiap usaha dan inisiatif persatuan dapat diukur, dinilai dan ditambah baik secara berterusan.

Sebagai sebahagian daripada proses merangka masa depan koperasi dan persatuan dengan lebih berkesan, satu program retreat perancangan strategik selama dua hari satu malam telah diadakan di Hotel Armada pada 14–15 Ogos 2025. Program ini dianjurkan bersama oleh Persatuan Rakan Solusi Matlamat Pembangunan Lestari (PRS-MPL) dan Koperasi Matlamat Pembangunan Lestari Berhad, dengan sokongan padu daripada Sekretariat APPGM.

Sepanjang *retreat* tersebut, pelbagai sesi intensif telah dijalankan dengan memberi tumpuan kepada pembinaan kapasiti, latihan pemasaran, ekonomi solidariti sosial (social solidarity economy) serta pembangunan koperasi. Latihan ini diperkukuh lagi melalui kerjasama rakan strategik ternama seperti ASEFFA dan ASEC, yang menyumbang kepakaran teknikal serta panduan praktikal yang relevan kepada semua peserta.

Selain itu, program ini turut menerima input bernilai tinggi daripada tokoh-tokoh berpengaruh, termasuk bekas Menteri Ekonomi, Dato' Sri Mustapa Mohamed, dan Ahli Lembaga ANGKASA, Datuk Muhammad Ali Hasan. Pandangan, cadangan dan pengalaman yang dikongsi telah dianalisis secara mendalam oleh ahli koperasi dan persatuan, seterusnya menjadi asas penting dalam pembentukan Pelan Strategik Lima Tahun ini.

Program *retreat* ini bukan sahaja memperkukuh hubungan serta kolaborasi dalam kalangan anggota, malah memastikan bahawa perancangan koperasi dan persatuan dibina berdasarkan pengalaman, pengetahuan, dan aspirasi sebenar semua pihak berkepentingan yang terlibat. Dengan pendekatan yang inklusif ini, PRS-MPL dan koperasi kini mempunyai hala tuju yang lebih jelas, mantap dan strategik untuk memacu agenda pembangunan lestari pada masa hadapan.



2.0 MATLAMAT PERSATUAN

- Menyediakan penyelarasan bersepadu Rakan Solusi seluruh negara melalui satu jaringan pangkalan data nasional.
- Memanfaatkan potensi organisasi rakan bagi memastikan pelaksanaan program komuniti berjalan secara konsisten.
- Melaksanakan pembangunan kapasiti yang berterusan melalui *peer learning*, bengkel dan latihan.
- Memberi pendedahan kepada rakan organisasi terhadap peluang pembiayaan daripada agensi kerajaan, yayasan, badan antarabangsa dan sumber lain.
- Menjadi batu asas kepada penubuhan Koperasi Nasional SDG yang berteraskan kepimpinan, kepakaran dan kelestarian.

3.0 VISI

Menjadi platform utama negara yang menghubungkan komuniti, NGO, koperasi dan organisasi pembangunan bagi memperkasa projek pembangunan mampan menjelang 2030.

4.0 MISI

- Memacu pembangunan kapasiti melalui latihan, sarana pengetahuan dan jaringan profesional.
- Menggerakkan projek komuniti berimpak tinggi selaras dengan SDG.
- Menghubungkan ahli dengan peluang pembiayaan, rakan strategik dan sokongan teknikal.
- Menyediakan model jaringan nasional yang efisien untuk mobilisasi SDG di peringkat akar umbi.

5.0 OBJEKTIF PERSATUAN

- Mengukuhkan jaringan kerjasama antara ahli, organisasi komuniti, koperasi dan agensi berkaitan.
- Menyediakan platform pembelajaran, latihan dan peningkatan kapasiti secara berterusan.
- Menyediakan sistem pemantauan projek komuniti secara sistematik.
- Meningkatkan keterlihatan (*visibility*) ahli dan projek di peringkat nasional.
- Menyediakan ekosistem perancangan projek, laporan dan advokasi yang profesional.

6.0 NILAI TERAS PERSATUAN




INTEGRITI

Tadbir urus telus, bertanggungjawab dan boleh dipercayai.




EMPATI

Pembangunan komuniti berasaskan pemahaman realiti setempat.



PROFESIONALISME

Pelaksanaan projek, latihan, dan dokumentasi yang berkualiti.




KESAKSAMAAN

Peluang adil tanpa diskriminasi kepada semua ahli.



KELESTARIAN

Keputusan dan tindakan berasaskan keseimbangan sosial, ekonomi dan alam sekitar.



KOLABORASI

Mengutamakan kerjasama pelbagai pihak bagi mencapai impak yang lebih besar.

7.0 OBJEKTIF STRATEGIK (2026–2030)

OS1

Memperkasa kapasiti ahli

Melahirkan ahli yang kompeten melalui program latihan, kursus, dan pembangunan profesional.

OS2

Memacu projek SDG berimpak tinggi

Menambah bilangan projek mampan yang memberi manfaat langsung kepada komuniti.

OS3

Memperkukuh jaringan kerjasama nasional & antarabangsa

Mewujudkan kerjasama dengan agensi kerajaan, universiti, koperasi, PBT, dan badan antarabangsa.

OS4

Menjana sumber kewangan lestari

Menampung sekurang-kurangnya 80% kos operasi melalui sumber dalaman menjelang 2028.

OS5

Mengukuhkan tadbir urus dan sistem pemantauan projek

Menggunakan dashboard digital, laporan suku tahunan dan audit dalaman.

8.0 PELAN JANGKA PENDEK (2026–2027)

Pelan Jangka Pendek PRS-MPL bagi tempoh 2026 hingga 2027 memberi tumpuan kepada pembinaan asas organisasi yang kukuh, penstrukturan sistem dalaman, serta pembentukan rangka kerja yang mampu menyokong operasi jangka panjang persatuan. Tempoh dua tahun ini dianggap sebagai fasa pengukuhan, di mana fokus utama adalah membina kekuatan dalaman yang mantap sebelum persatuan berkembang kepada projek-projek berskala lebih besar.

8.1 FOKUS UTAMA

1

Pendaftaran Ahli Baharu di Setiap Negeri

Pembangunan keahlian menjadi keutamaan kerana ahli merupakan tulang belakang kepada segala operasi persatuan. PRS-MPL akan menjalankan kempen keahlian di seluruh negara dan memastikan setiap negeri mempunyai bilangan ahli aktif yang mencukupi bagi melaksanakan projek komuniti. Tumpuan juga diberikan kepada pendaftaran ahli profesional muda dan organisasi rakan.

2

Pelaksanaan Latihan Asas

Latihan asas akan dilaksanakan untuk memperkukuh keupayaan ahli. Fokus latihan meliputi latihan Training of Trainers (TOT), pengurusan projek komuniti, asas pemantauan dan penilaian (M&E), serta latihan kesedaran SDG. Latihan ini penting bagi memastikan ahli memahami peranan mereka dan mampu menjalankan projek mengikut standard yang ditetapkan.



8.2 SASARAN UTAMA

1 1,000 Ahli Berdaftar Seluruh Negara

Dalam tempoh dua tahun pertama, sasaran PRS-MPL ialah mencapai sekurang-kurangnya 1,000 ahli aktif di seluruh Malaysia. Sasaran ini dipilih kerana ia bersifat realistik dan mencerminkan jumlah minimum yang diperlukan untuk membentuk satu rangkaian rakan solusi yang efektif. Ahli yang berdaftar akan ditempatkan mengikut negeri bagi memastikan pelaksanaan projek lebih tersusun dan terurus.

2 Platform Digital Tunggal

PRS-MPL akan membangunkan sebuah platform digital yang menggabungkan keahlian, pangkalan data ahli, rekod latihan, laporan projek, pemetaan kepakaran dan sistem komunikasi rasmi. Platform ini akan memudahkan urusan pentadbiran dan meningkatkan keberkesanan operasi persatuan. Ia juga memastikan semua maklumat penting dapat diakses dengan mudah oleh jawatankuasa pusat dan negeri.

9.0 PELAN JANGKA SEDERHANA (2028–2029)

Fasa kedua Pelan Lima Tahun PRS-MPL bagi tempoh 2028 hingga 2029 memberi penekanan kepada pembangunan keupayaan organisasi dalam skala yang lebih besar, peluasan cawangan, pengukuhan pembiayaan, serta pelaksanaan projek yang berimpak tinggi. Tempoh ini merupakan fasa pertumbuhan strategik di mana persatuan bergerak daripada pembinaan asas kepada pengembangan operasi secara nasional. Fokus utama adalah mengukuhkan struktur zon, memperkemas sistem dalaman dan memastikan persatuan mampu beroperasi secara mampan serta berdikari.

9.1 PENUBUHAN CAWANGAN ZON

Dalam usaha meningkatkan kecekapan penyelarasan dan memperluas capaian progi PRS-MPL akan menubuhkan empat zon utama iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur dan Zon Sabah/Sarawak. Setiap zon akan diketuai pasukan pentadbir zon yang dipilih berdasarkan pengalaman, komitmen dan kepakaran dalam pembangunan komuniti.

Penubuhan zon ini bertujuan untuk memudahkan penyelarasan projek berskala besar, mengurangkan beban pentadbiran pusat, serta membolehkan latihan dan pembangunan kapasiti dijalankan lebih dekat dengan komuniti sasaran. Selain itu, zon akan berfungsi sebagai pusat rujukan projek, pusat latihan wilayah dan penghubung antara negeri serta Jawatankuasa Pusat.

9.2 PEMERKASAAN PEMBIAYAAN ORGANISASI

Keberlanjutan persatuan sangat bergantung kepada kekuatan kewangannya. Dalam fasa ini, PRS-MPL akan memfokuskan kepada pembiayaan yang mampan dan berdikari dengan sasaran menampung sekurang-kurangnya kos operasi melalui sumber dalaman.

Strategi pembiayaan meliputi:



Program Latihan Berbayar

Persatuan akan menyediakan kursus profesional seperti pengurusan projek komuniti, pembangunan sosial, kepemimpinan akar umbi dan modul SDG untuk peserta berbayar dari pelbagai agensi dan organisasi.



Konsultasi Projek Komuniti

PRS-MPL akan menawarkan perkhidmatan konsultasi kepada NGO, koperasi, PBT dan badan korporat bagi membantu mereka merancang, melaksana dan menilai projek pembangunan komuniti.



Dana CSR (*Corporate Social Responsibility*)

PRS-MPL akan menawarkan perkhidmatan konsultasi kepada NGO, koperasi, PBT dan badan korporat bagi membantu mereka merancang, melaksana dan menilai projek pembangunan komuniti.



Model Social Enterprise


Beberapa model social enterprise akan diperkenalkan bagi menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti yang relevan dengan pembangunan komuniti, seperti pembangunan modul, penyelidikan, acara dan produk penjenamaan.

Pendekatan ini akan memastikan PRS-MPL lebih stabil, berdaya saing dan tidak bergantung sepenuhnya kepada dana luar.

9.3 PROJEK BERIMPAK TINGGI BERSKALA NEGERI

Pada peringkat ini, PRS-MPL menyasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya 30 projek SDG berskala negeri yang memberi impak besar kepada masyarakat. Projek-projek ini akan dilaksanakan melalui kerjasama dengan rakan pelaksana tempatan dan agensi negeri.

Projek yang dirancang memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama:



Setiap projek akan mematuhi garis panduan pengurusan projek PRS-MPL serta dilaporkan melalui sistem pemantauan berpusat bagi memastikan ketelusan, keberkesanan dan impak sebenar kepada komuniti.



9.4 KERJASAMA ANTARABANGSA

Bagi memastikan PRS-MPL berada pada tahap yang setaraf dengan organisasi pembangunan global, persatuan akan membangunkan kerjasama antarabangsa dengan institusi seperti:



Kerjasama ini akan memfokuskan kepada latihan lanjutan, penyelidikan, pembiayaan projek serta pembangunan kapasiti yang lebih mendalam. Dengan hubungan antarabangsa yang kukuh, PRS-MPL dapat memperluas perspektif global, meningkatkan kredibiliti dan membawa amalan terbaik dunia ke peringkat komuniti Malaysia.

10.0 PELAN JANGKA PANJANG (2030)

Tahun 2030 merupakan fasa konsolidasi dan kemuncak kepada pelaksanaan Pelan Lima Tahun PRS-MPL. Dalam tempoh ini, persatuan dijangka mencapai kedudukan matang sebagai sebuah organisasi nasional yang mempunyai struktur kukuh, kapasiti ahli yang tinggi, rangkaian kerjasama strategik serta keupayaan melaksanakan projek pembangunan komuniti dalam skala besar. Fasa ini menandakan peralihan PRS-MPL daripada organisasi pembangunan ke arah sebuah pusat kecemerlangan nasional yang menjadi rujukan bagi pelaksanaan SDG di Malaysia. Pelan ini memberi fokus kepada peningkatan impak, pengembangan ahli profesional, dan penghasilan laporan pembangunan komuniti yang komprehensif.

10.1 MENJADI HAB SDG NASIONAL

Pada tahun 2030, PRS-MPL disasarkan untuk berfungsi sebagai hab nasional bagi pelaksanaan, latihan, penyelidikan dan advokasi SDG. Sebagai hab ini, PRS-MPL akan:

- Menjadi pusat latihan utama bagi pembangunan kapasiti SDG di seluruh negara.
- Menjadi rujukan kepada kerajaan, universiti, NGO dan sektor swasta berkaitan pendekatan pembangunan komuniti.
- Menyediakan kepakaran dalam merancang, melaksana dan menilai program berkaitan SDG.
- Membina pangkalan data nasional pembangunan komuniti yang dapat diakses oleh rakan strategik.

Kedudukan sebagai hab SDG nasional juga menunjukkan bahawa PRS-MPL telah mencapai tahap kebolehpercayaan tinggi serta memiliki rekod pencapaian yang konsisten sepanjang tempoh sebelumnya.

10.2 MELAKSANAKAN PROJEK BERIMPAK TINGGI

Menjelang tahun 2030, PRS-MPL menyasarkan pelaksanaan projek berimpak tinggi di seluruh negara. Projek-projek ini melibatkan kerjasama antara zon, negeri, komuniti tempatan, institut pendidikan, NGO dan sektor swasta.

Fokus projek merangkumi:

- | | |
|--|--|
| ■ Pembangunan ekonomi sosial | ■ Inovasi digital untuk komuniti |
| ■ Program keusahawanan belia dan wanita | ■ Pendidikan dan peningkatan kemahiran |
| ■ Pertanian mampan dan keselamatan makanan | ■ Pemuliharaan alam sekitar dan iklim |

Pencapaian projek ini menunjukkan kemampuan PRS-MPL untuk mengoperasikan projek berskala besar, merentas zon serta mampu memberi impak kepada ribuan penerima manfaat di seluruh negara.

10.3 PELAPORAN SDG BERASASKAN KOMUNITI

Pada tahun 2030, PRS-MPL akan menerbitkan Laporan SDG Nasional Berasaskan Komuniti yang mengumpulkan data akar umbi, kajian lapangan, penilaian impak dan cadangan dasar yang relevan.

Laporan ini akan:

- Mengandungi data indikator komuniti yang berkaitan langsung dengan SDG global.
- Mengemukakan analisis tahap pencapaian SDG di peringkat komuniti.
- Menjadi rujukan akademik, dasar dan praktis pembangunan sosial negara.

Pelaporan komprehensif ini menjadikan PRS-MPL bukan hanya pelaksana program, tetapi penghasil pengetahuan (*knowledge producer*) dalam bidang pembangunan komuniti.

10.4 PENGEMBANGAN AHLI PROFESIONAL

Menjelang tahun 2030, PRS-MPL menyasarkan keahlian melebihi 2,000 ahli aktif, termasuk:

- | | |
|---|--|
| ■ Pengamal pembangunan sosial | ■ Pelajar universiti dan belia profesional |
| ■ Usahawan sosial | ■ Fasilitator komuniti |
| ■ Pakar teknikal (ekonomi, pertanian, pendidikan, kesihatan, inovasi digital) | ■ Rakan NGO dan koperasi |

Melalui penambahan ahli profesional, PRS-MPL akan menjadi komuniti pembangunan terbesar di Malaysia yang menyatukan kepakaran pelbagai bidang dalam satu platform nasional.

11.0 RANGKA PEMANTAUAN DAN PENILAIAN (M&E)

Rangka Pemantauan dan Penilaian (*Monitoring and Evaluation*, M&E) memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Lima Tahun PRS-MPL. M&E berfungsi untuk menilai pencapaian, memantau kemajuan, mengenal pasti kelemahan, serta memastikan setiap program dan projek memenuhi objektif strategik persatuan. Rangka ini direka supaya persatuan dapat membuat keputusan berasaskan data, meningkatkan ketelusan, dan memastikan keberlanjutan semua inisiatif.

11.1 MEKANISME PEMANTAUAN

Mekanisme pemantauan PRS-MPL dirangka dalam empat komponen utama yang saling melengkapi. Setiap mekanisme memastikan pelaporan yang berstruktur, tepat, dan mudah ditelusuri.

1

Laporan Bulanan Projek

Semua projek yang dilaksanakan wajib mengemukakan laporan kemajuan bulanan yang merangkumi aktiviti, pencapaian, cabaran, keperluan teknikal dan perancangan bulan berikutnya. Laporan ini memudahkan jawatankuasa memantau keadaan projek secara berkala.

2

Laporan Suku Tahunan Organisasi

Pada setiap suku tahun, laporan komprehensif akan dibentangkan meliputi kemajuan keahlian, status kewangan, pencapaian latihan, prestasi zon dan negeri, serta perbelanjaan projek. Laporan ini menjadi asas untuk menilai tahap kemajuan organisasi dalam mencapai objektif strategik.

3

Dashboard Digital Impak

PRS-MPL akan membangunkan dashboard digital realtime yang memaparkan data utama seperti jumlah ahli, projek berjalan, indikator SDG, latihan dijalankan, jumlah penerima manfaat dan kemajuan kewangan. Dashboard memudahkan pemantauan lebih cepat, telus dan visual.



Audit Dalam Tahunan

Setiap tahun, persatuan akan menjalankan audit dalaman me. kewangan, dokumentasi, status projek, pematuhan SOP, dan pengurus risiko. Audit ini memastikan semua proses dijalankan secara berintegriti dan mengikut standard yang ditetapkan.

11.2 INDIKATOR PRESTASI UTAMA (KPI)

Indikator Prestasi Utama (KPI) digunakan untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan strategi persatuan. KPI ini menggabungkan elemen kuantitatif dan kualitatif serta merangkumi aspek keahlian, kewangan, latihan dan impak komuniti.



Jumlah Ahli Aktif

Menilai pertumbuhan keahlian dan tahap penglibatan ahli dalam program, latihan dan projek di peringkat negeri serta zon.



Jumlah Latihan Dijalankan

Mengukur keupayaan PRS-MPL dalam menyediakan pembangunan kapasiti kepada ahli termasuk TOT, latihan SDG, pengurusan projek dan komunikasi strategik.



Bilangan Projek SDG Dilaksanakan

Menilai keupayaan persatuan dalam menggerakkan projek pembangunan komuniti selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan keperluan setempat.



Dana Diperoleh

Mengukur keberkesanan PRS-MPL dalam mendapatkan dana melalui yuran keahlian, geran, CSR, latihan berbayar dan model *social enterprise*.



Impak Sosial Komuniti

Menilai hasil projek dari sudut perubahan sosial, peningkatan kesejahteraan komuniti, bilangan penerima manfaat, peningkatan pengetahuan, dan keberlanjutan projek.

12.0 KESIMPULAN

Pelan Lima Tahun PRS-MPL (2026–2030) merupakan dokumen strategik yang memberikan hala tuju yang jelas, terancang dan menyeluruh kepada perjalanan pembangunan persatuan. Pelan ini digubal dengan tujuan memastikan PRS-MPL berkembang sebagai sebuah organisasi nasional yang berdaya saing, berimpak tinggi dan mampu memainkan peranan penting dalam mengukuhkan ekosistem pembangunan komuniti di Malaysia.

Melalui rangka strategik yang dibentangkan, PRS-MPL berupaya menggerakkan agenda pembangunan mampan secara lebih sistematik, merentas negeri, zon dan pelbagai sektor. Penekanan terhadap aspek tadbir urus, pembangunan kapasiti, pengembangan keahlian, pelaksanaan projek SDG berskala besar, serta rangkaian kerjasama strategik menjadikan persatuan lebih kukuh dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Pelan ini juga memastikan semua usaha PRS-MPL dijalankan berasaskan data, bukti dan pemantauan berterusan melalui sistem M&E yang tersusun. Dengan struktur organisasi yang kuat, model pembiayaan yang mampan, serta penglibatan ahli profesional dari pelbagai bidang, PRS-MPL berada pada landasan yang tepat untuk menjadi hab SDG nasional menjelang tahun 2030.

Pada akhirnya, kejayaan pelan ini bergantung kepada komitmen bersama daripada ahli, jawatankuasa, rakan kerjasama, komuniti dan pihak berkepentingan lain yang berkongsi matlamat untuk melihat pembangunan komuniti di Malaysia terus maju, inklusif dan mampan. Dengan sokongan yang berterusan, PRS-MPL yakin mampu mencapai aspirasi yang digariskan serta memberi impak positif yang berkekalan kepada masyarakat.





